

# Tol: Samy Vellu kesal dituduh 'orang jahat'

UM - 12/2/2007

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu kesal apabila beliau dituduh oleh setengah pihak sebagai 'orang jahat' dalam menetapkan kadar tol lebuhraya di negara ini.

Beliau berkata, setiap kadar tol lebuhraya yang ditetapkan bukan dibuat oleh kementeriannya, sebaliknya diputuskan dalam mesyuarat Kabinet.

"Ramai yang ingat saya orang jahat kerana mereka ingat saya yang membuat keputusan menetapkan harga tol dan memberi masalah kepada orang ramai.

"Segala keputusan berkaitan kadar tol dibawa dalam mesyuarat Kabinet dan bukan saya yang menetapkannya," tegas beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Seramai 580 pelajar dari seluruh negara menerima anugerah dan wang tunai RM500 seorang.

Samy Vellu menjelaskan, keputusan yang dibuat oleh Kabinet mengenai kadar tol di sesebuah lebuhraya akan diserahkan kepada kementeriannya untuk dilaksanakan.

Beliau berkata, pihaknya juga turut mengambil kira pandangan masyarakat jika kerajaan ingin menaikkan harga tol di lebuhraya tertentu.

## Kadar baru

Beliau memberi contoh tentang kadar baru tol Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) yang mana beliau tidak mengetahui tentang bantahan tersebut tetapi telah membawanya ke Kabinet untuk dibincangkan.

"Saya memberitahu Perdana Menteri bahawa kadar tol baru LDP RM1.60 tidak dapat diterima oleh sebahagian masyarakat.

"Perdana Menteri bertanya kepada saya apakah cara sesuai bagi mengatasinya," kata beliau.

Samy juga menyelar tindakan segelintir pihak terutamanya parti pembangkang yang disifatkan seperti kanak-kanak apabila setiap keputusan kerajaan dibantah oleh mereka.

Beliau memberitahu, pembangkang juga berhasrat untuk mengambil alih semua syarikat konsesi apabila beliau meletak jawatan.

"Mereka berkata seperti kanak-kanak kerana tidak memahami mengapa kerajaan membuat keputusan itu dan kerajaan juga mengambil kira pandangan rakyat dalam membuat sesuatu keputusan," jelasnya.

Mengenai kadar tol Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjar (SMART) di sini yang akan dibuka bulan depan, beliau berkata, perkara itu masih dibincangkan dalam Kabinet.

Beliau memberitahu, kadar tol itu akan diputuskan oleh Kabinet setelah mendapat laporan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Sementara itu, beliau yang juga Presiden MIC berkata, Kementerian Pelajaran telah meluluskan peruntukan kewangan bagi membina bangunan baru di 16 buah SJKT di seluruh seluruh negara.

Tambahnya, sekolah-sekolah terbabit yang terdiri daripada Sekolah Bantuan Modal (SBM) itu membolehkan para pelajar mengikuti pembelajaran dengan selesa.